



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 3/1972**

*Pemansuhan Perkataan-perkataan Atau Ayat-ayat
Yang Terdapat Di Dalam Borang Suratcara Urusan*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik/Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam cara menyiapkan suratcara urusan dengan menggunakan borang yang dicetak.

2. Dalam borang suratcara yang ditentukan di dalam Kanun Tanah Negara adalah didapati beberapa perkataan-perkataan atau ayat-ayat untuk dipilih penggunaannya dengan tujuan menyenangkan borang-borang tersebut dipenuhi. Juga adalah terdapat arahan-arahan untuk memansuhkan (to delete) perkataan-perkataan atau ayat-ayat sebagaimana sesuai. Bahawa sesuatu borang suratcara yang dicetak itu adalah berdasarkan borang yang ditentukan di dalam Kanun Tanah Negara dan adalah bertujuan yang sama, dan apabila menyiapkannya bolehlah sesuatu perkataan atau ayat yang didapati tidak sesuai penggunaannya dimansuhkan (delete). Tindakan memansuhkan ini tidak bermakna satu tindakan pembetulan (correction) ke atas borang suratcara urusan itu dan oleh yang demikian pemansuhan (deletion) di dalam borang itu tidaklah perlu ditandatangani ringkas oleh orang yang menyempurnakannya. Tandatangan ringkas (initial) itu hanyalah dikehendaki untuk mengesahkan lain-lain pindaan atau pembetulan yang dibuat di dalam borang suratcata itu.

3. Adalah dinasihatkan bahawa tidaklah perlu bagi orang yang menyempurnakan borang suratcara urusan menandatangani ringkas pemansuhan perkataan atau ayat-ayat untuk dipilih kegunaannya yang terdapat di dalam suratcara itu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 95/70 S.K. 6(4)

Kuala Lumpur
Februari, 1972